



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PEJABAT RISDA DAERAH RAUB
PERKARANGAN PEJABAT RISDA DAERAH RAUB, PAHANG

2 OKTOBER 2017 (ISNIN)
WAKTU KETIBAAN : 3.00 PETANG

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

SALUTASI

YH DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri Pahang merangkap ADUN Dong

YBHG.DATUK BORHAN BIN DOLAH

Ketua Setiausaha KKLW

YBHG. DATO' AZIZAN BIN MOHAMAD SIDIN

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KKLW

YBHG. DATO' SOLLEHUDDIN ALYUBI BIN ZAKARIA

Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan) KKLW

YH. DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN MOHAMAD

Ketua Pengarah RISDA

YB/Ybgh Ahli-Ahli Pihak Berkuasa RISDA

YB Pengerusi-Pengerusi Syarikat Milikan RISDA

Ketua-Ketua Agensi KKLW Dan Negeri Pahang

Timbalan–Timbalan Ketua Pengarah RISDA

Rakan-Rakan Media

Pegawai dan Kakitangan RISDA, seterusnya para pekebun kecil serta hadirin yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang Dan Salam Negaraku Sehati Sejiwa.

1. Marilah kita sama-sama mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah S. W.T. atas perkenan dan izin-Nya dapat kita berhimpun dalam 'Majlis Perasmian Bangunan Pejabat RISDA Daerah Raub, Pahang pada petang ini dalam keadaan yang cukup harmoni. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YH Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, Exco Pengerusi Jawatankuasa Koperasi,

Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri Pahang dan juga ADUN Dong atas usaha bersama Pengurusan RISDA memastikan majlis gilang gemilang ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

2. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada RISDA yang telah berjaya memiliki bangunan sendiri untuk memastikan operasi Pejabat RISDA Daerah Raub ini berjalan dengan lancar. RISDA merupakan agensi di bawah KKLW yang memiliki Pusat Tanggungjawab beroperasi di seluruh Malaysia. Setakat ini RISDA mempunyai 13 Pejabat RISDA Negeri, 54 Pejabat RISDA Daerah dan 154 Pejabat RISDA Stesen. Kejayaan ini menunjukkan kemampuan dan komitmen RISDA yang sentiasa menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat pekebun kecil.

3. Saya difahamkan bangunan Pejabat RISDA Raub ini telah mula dibina semula pada tahun 2012 dengan kos RM 4.4 juta dan beroperasi sepenuhnya pada pertengahan tahun 2013 dengan kekuatan 56 orang staf menjalankan operasi di seluruh kawasan Daerah Raub ini. Saya percaya usaha RISDA melalui pembinaan bangunan baru pejabat ini mampu membantu pekebun-pekebun kecil di daerah ini untuk memudahkan penyampaian bantuan dalam Program-program RISDA seperti Bantuan Tanam Semula, Pengembangan, Keusahawanan, Prasarana dan yang terkini Program Rumah Bina Negara (RBN).

4. Bagi tahun 2017, KKLW menerusi RISDA telah memperuntukan sejumlah **RM 57,992,474** kepada RISDA Negeri Pahang untuk Projek Tanam Semula Getah. Sejumlah **19,307 orang pekebun kecil** menerima manfaat dan seluas **31,588.05 hektar** telah dibangunkan untuk program Tanam Semula Getah untuk tahun ini. Daripada jumlah itu, Pejabat RISDA Raub menerima peruntukan sebanyak **RM 3,362,414.00** bagi melaksanakan program tanam semula seluas **2,209.84 hektar** yang memberi faedah kepada seramai **1,236 orang peserta**. KKLW menerusi RISDA menyediakan pelbagai bantuan dan kemudahan kepada pekebun kecil termasuk baja, benih dan bantuan tanam semula yang sangat tinggi setiap tahun. Inilah buktinya kerajaan prihatin dan sentiasa memperjuangkan nasib penduduk luar bandar terutama pekebun kecil. Apa yang penting disini Tuan Puan perlu memanfaatkan bantuan dan kemudahan itu dengan sebaik-baiknya dan berusaha menghasilkan tanaman serta kebun yang berkualiti.

5. Saya difahamkan RISDA Negeri Pahang menerima peruntukan untuk Program Prasarana Asas Pertanian berjumlah RM 6 juta melibatkan 3,146 peserta. RISDA Daerah Raub menerima RM 850,000.00 dan berjaya membelanjakan 100 % peruntukan berkenaan bagi menyokong pembangunan 8 buah Projek Tanam Semula Komersial dengan bilangan peserta berjumlah 306 orang untuk keluasan 755.8 hektar dan juga telah membina 28.2 km jalan pertanian. Tahniah diucapkan kepada RISDA Daerah Raub. Projek seperti ini merupakan *touch point* kerajaan

yang menyumbang kepada kesejahteraan rakyat yang akan memberi impak positif kepada ekonomi pekebun kecil.

Hadirin sekalian,

6. Memandangkan, harga komoditi getah pasti akan ada pasang surutnya, jadi program – program meningkatkan pendapatan seperti program keusahawanan akan terus dilaksanakan dengan lebih agresif pada tahun ini agar ekonomi pekebun kecil terus makmur. Pada tahun 2017, RISDA Negeri Pahang memperuntukkan **RM 3.092 juta** untuk Aktiviti Ekonomi Tambahan dan Keusahawanan kepada pekebun kecil. Dengan jumlah tersebut seramai 220 orang usahawan berjaya dilahirkan di mana Pejabat RISDA Daerah Raub telah menerima peruntukan sejumlah **RM 320,000** berjaya melahirkan usahawan seramai 29 orang peserta setakat ini. Syabas dan tahniah diucapkan kepada usahawan yang menerima bantuan.

7. Di samping itu, RISDA juga menekankan program-program sokongan untuk pembangunan modal insan pekebun kecil seperti Program Tuisyen Rakyat. Program Tuisyen Rakyat adalah program kelas tambahan untuk 5 subjek teras SPM iaitu Matematik, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains dan Sejarah secara percuma untuk pelajar-pelajar anak pekebun kecil Luar Bandar. Tahun ini, RISDA Negeri Pahang menerima peruntukan sejumlah **RM 212,500.00** untuk melaksanakan program tuisyen rakyat kepada 315 orang pelajar di mana Pejabat RISDA Daerah Raub melaksanakan program tuisyen rakyat dengan peruntukan sebanyak RM 25,000. Program ini amat membuahkan hasil dan penglibatan para pelajar didapati dapat membantu meningkatkan pencapaian prestasi. Adalah menjadi harapan saya agar anak – anak dan ibu bapa mengambil kemudahan percuma ini bagi menikmati manfaat pendidikan yang sewajarnya disediakan oleh kerajaan.

8. Justeru itu, keseluruhan program pembangunan bagi tahun ini untuk RISDA Negeri Pahang, KKLW menyalurkan peruntukan sebanyak RM 90,310,612.00 dan juga mengumumkan Dividen Tanam Semula Komersial RISDA Plantation Negeri Pahang berjumlah RM 27,623,293.27. Kesemua peruntukan ini adalah usaha berterusan kerajaan untuk memastikan semua golongan pekebun kecil mendapat faedah dan nikmat hasil dari kemakmuran negara.

Hadirin sekalian,

9. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pengurusan RISDA atas penganjuran yang berjaya ini. Tahniah dan syabas juga kepada YH Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, Exco Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri Pahang dan juga ADUN Dong atas kerjasama yang baik memastikan majlis dilaksanakan dengan cemerlang.

Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil untuk lebih maju lagi di masa hadapan.

10. Dengan berakhirnya ucapan tadi dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya dengan ini sukacitanya merasmikan 'Bangunan Pejabat RISDA Daerah Raub'

Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Terima kasih.